

# Kerja di Singapura, tinggal di Malaysia untungkan negara

**SHAH ALAM** - Pendapatan yang diperoleh tenaga kerja Malaysia yang bekerja di Singapura sememangnya mendatangkan keuntungan bukan sahaja kepada individu malah negara.

Pensyarah Kanan Sekolah Perniagaan dan Ekonomi, Universiti Putra Malaysia, Dr Mohamad Khair Afham Muhammad Senan berkata, pendapatan boleh guna lebih tinggi yang diperoleh akan diterjemahkan kepada lebih pembelian atau penggunaan di Malaysia.

"Keadaan ini benar-benar menguntungkan kepada individu yang memilih untuk bekerja di Singapura tetapi menetap di Malaysia (Johor), terutamanya dari sudut peningkatan taraf hidup mereka.

"Pendapatan yang mereka peroleh itu, akan merancakkan kitaran ekonomi, contoh-



**MOHAMAD KHAIR**

nya dalam sektor peruncitan, automotif dan pelancongan.

"Ini kerana, mereka lebih mampu jika mahu dibandingkan dengan individu yang bekerja dalam bidang sama di Malaysia," katanya kepada *Sinar Harian* ketika dihubungi pada Isnin.

Terdahulu Jabatan Perangkaan Malaysia berkata, rakyat Malaysia yang bekerja di Singapura dan Brunei masing-masing mampu meraih pendapatan tertinggi sehingga RM64,000 dan RM53,000 sebulan.

Mengulas lanjut, Mohamad Khair Afham berkata, jenis pekerjaan bagi peratus tertinggi itu meliputi pekerjaan kemahiran rendah dan sederhana seperti sektor pembersihan, penyenggaraan dan pengangkutan.

Tambahnya, peratusan kedua tertinggi itu melibatkan pekerjaan yang memerlukan ta-

hap kemahiran tinggi dan khidmat profesional seperti konsultasi, doktor perubatan dan sebagainya.

Susulan itu, beliau menjangkakan lebih ramai rakyat Malaysia membuat keputusan untuk berkhidmat di Singapura ekoran keadaan ekonomi negara dan trend penurunan nilai ringgit yang konsisten sejak kebelakangan ini.

"Bagaimanapun, Malaysia berisiko untuk menghadapi kesan *brain drain* (penghijrahan pakar) yang lebih besar jika situasi ini berlarutan, terutamanya bagi bekalan pekerja mahir dan golongan profesional.

"Insentif kewangan yang lebih untuk bekerja di negara jiran akan merendahkan motivasi untuk berkhidmat di negara sendiri. Lama-kelamaan, bekalan tenaga mahir di Malaysia akan berkurangan, dan akan memberi kesan negatif kepada perkembangan ekonomi pada masa hadapan," ujarnya.